

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Selasa, 20 Februari 2024



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA

JANUARI 2024

**Jumlah dagangan Malaysia kembali positif pada Januari 2024,
mencatatkan peningkatan dua digit 13.3 peratus**

PUTRAJAYA, 20 Februari 2024 – Pertumbuhan sederhana ekonomi dunia serta perubahan permintaan terhadap barangan Malaysia dari luar negara, mendorong kepada nilai perdagangan yang lebih baik, disumbangkan oleh kedua-dua eksport dan import. Jumlah dagangan meningkat dua digit 13.3 peratus kepada RM234.7 bilion, disumbangkan oleh eksport (+8.7%) kepada RM122.4 bilion dan import (+18.8%) kepada RM112.3 bilion. Sebaliknya, imbalan dagangan jatuh 44.2 peratus kepada RM10.1 bilion pada Januari 2024 seperti yang dilaporkan hari ini dalam **BULETIN PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA, JANUARI 2024**. Buletin ini juga membentangkan prestasi produk untuk eksport dan import serta rakan dagangannya.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Prestasi eksport Malaysia meningkat pada Januari 2024 selaras dengan kenaikan eksport domestik dan eksport semula. Eksport domestik bernilai RM94.7 bilion, menyumbang 77.4 peratus kepada jumlah eksport meningkat 10.1 peratus dan eksport semula berjumlah RM27.7 bilion, meningkat 4.1 peratus berbanding Januari 2023. Import pada Januari 2024 bernilai RM112.3 bilion, meningkat 18.8 peratus berbanding bulan yang sama tahun lepas. Sementara itu, lebih dagangan dengan jumlah RM10.1 bilion, merupakan lebih dagangan ke-45 bulan berturut-turut sejak Mei 2020. Berbanding Disember 2023, prestasi eksport, import dan jumlah dagangan masing-masing mencatatkan peningkatan 3.4 peratus, 5.3 peratus dan 4.3 peratus. Manakala, imbalan dagangan mencatatkan penguncupan 13.8 peratus."

Melihat dari sudut kumpulan barangan, 179 daripada 259 kumpulan eksport dan 197 daripada 259 kumpulan import menunjukkan peningkatan berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya.

Ketua Perangkawan Malaysia menjelaskan bahawa eksport yang lebih tinggi disumbangkan oleh kenaikan terutamanya ke Indonesia (+RM2.1 bilion) diikuti oleh Viet Nam (+RM2.1 bilion), Amerika Syarikat (+RM1.4 bilion), Taiwan (+RM1.3 bilion) dan Australia (+RM1.3 bilion). Selain itu, import yang lebih tinggi pula disumbangkan terutamanya dari Singapura (+RM5.5 bilion) diikuti oleh China (+RM3.7 bilion), Amerika Syarikat (+RM2.0 bilion), Taiwan (+RM1.2 bilion) dan Brazil (+ RM1.1 bilion).

Mengulas lebih lanjut mengenai eksport, kenaikan ini adalah sejajar dengan peningkatan produk petroleum (+RM2.9 bilion); jentera, kelengkapan & peralatan (+RM1.4 bilion); dan produk besi & keluli (+RM1.4 bilion). Pada masa yang sama, peningkatan dalam import dicatatkan untuk barangan elektrik & elektronik (+RM4.4 bilion); produk petroleum (+RM2.6 bilion) dan jentera, kelengkapan & peralatan (+RM1.7 bilion).

Selanjutnya, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Pertambahan import mengikut Penggunaan Akhir seiring dengan permintaan yang lebih tinggi bagi barangan modal, barangan penggunaan dan barangan perantaraan. Import barangan modal bernilai RM13.7 bilion, meningkat 41.8 peratus berbanding Januari 2023, mewakili 12.2 peratus daripada jumlah import. Barang penggunaan (9.2% daripada jumlah import), meningkat 25.4 peratus daripada RM8.2 bilion pada tahun sebelumnya kepada RM10.3 bilion. Barangan perantaraan (52.3% daripada jumlah import), bernilai RM58.8 bilion, mencatatkan peningkatan 21.4 peratus atau RM10.3 bilion."

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricsensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian."

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan".


Pangkalan Data Utama (PADU) telah diluncurkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Matlamat utama PADU untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercicir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dimohon kerjasama untuk mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum atau pada 31 Mac 2024. Sila layari <https://www.padu.gov.my> bagi maklumat lanjut berkaitan PADU atau menghubungi talian hotline berikut:

- i) Jabatan Perangkaan Malaysia : 1-800-88-7720 /1-800-88-7721
- ii) Pertanyaan secara online melalui SISPA: <https://padu.spab.gov.my>.


Carta 1: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, Jan 2023 – Jan 2024
(Nilai dan Peratus Perubahan Tahunan)




Carta 2: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, 2020 – 2024 (Jan)



Carta 3: Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum (BEC),
Jan 2023 – Jan 2024
(Nilai dan Peratus Perubahan Tahunan)



Carta 4: Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum (BEC)
2020 – 2024 (Jan)



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
20 FEBRUARI 2024

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, February 20th, 2024



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
MALAYSIA EXTERNAL TRADE STATISTICS
JANUARY 2024

Malaysia's total trade rebounded in January 2024 to note a double digit increase of 13.3 per cent

PUTRAJAYA, February 20, 2024 – Moderate growth in the worldwide economy, coupled with changes in demand for Malaysia's goods from abroad, led to better levels of trade, supported by both exports and imports. Total trade witnessed a double-digit increase by 13.3 per cent to RM234.7 billion, attributable to exports (+8.7%) of RM122.4 billion and imports (+18.8%) of RM112.3 billion. On the contrary, trade balance fell by 44.2 per cent to RM10.1 billion in January 2024 as reported today in **MALAYSIA EXTERNAL TRADE STATISTICS BULLETIN, JANUARY 2024**. This bulletin also presents the performance of export and import products with its trading partners.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Malaysia's export performance increased in January 2024 in line with the rise in domestic exports and re-exports. Domestic exports worth RM94.7 billion, contributing 77.4 per cent to total exports rose by 10.1 per cent and re-exports amounted to RM27.7 billion, grew by 4.1 per cent as compared to January 2023. Imports in January 2024 worth RM112.3 billion, increased by 18.8 per cent as compared to the same month last year. Meanwhile, trade surplus was valued at RM10.1 billion, was the 45th consecutive month of trade surplus since May 2020. As compared to December 2023, the performance of exports, imports and total trade recorded an increase of 3.4 per cent, 5.3 per cent and 4.3 per cent, respectively. While, trade balance recorded a contraction of 13.8 per cent."

From the perspective of the commodity group, 179 out of 259 export groups and 197 out of 259 import groups showed an increase as compared to the same month of the previous year.

Chief Statistician Malaysia explained that the higher exports was attributable from the increase mainly to Indonesia (+RM2.1 billion) followed by Viet Nam

(+RM2.1 billion), the United States (+RM1.4 billion), Taiwan (+RM1.3 billion) and Australia (+RM1.3 billion). Moreover, higher imports was mainly contributed by Singapore (+RM5.5 billion) followed by China (+RM3.7 billion), the United States (+RM2.0 billion), Taiwan (+RM1.2 billion) and Brazil (+RM1.1 billion).

Commenting further on exports, the rise was in line with the increase in petroleum products (+RM2.9 billion); machinery, equipment & parts (+RM1.4 billion); and iron & steel products (+RM1.4 billion). Furthermore, the increase in imports was logged for electrical & electronic products (+RM4.4 billion); petroleum products (+RM2.6 billion) and machinery, equipment & parts (+RM1.7 billion).

Adding to this, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The rise in imports by End Use was in line with higher demand for capital goods, consumption goods and intermediate goods. Imports of capital goods with a value of RM13.7 billion, rose by 41.8 per cent as compared to January 2023, representing 12.2 per cent of total imports. Consumption goods (9.2% of total imports), grew by 25.4 per cent from RM8.2 billion in the previous year to RM10.3 billion. Intermediate goods (52.3% of total imports), valued at RM58.8 billion, registered an increase of 21.4 per cent or RM10.3 billion."

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

The Central Database (PADU) was launched on 2 January 2024. PADU contains individual and household profiles covering citizens and permanent residents of Malaysia. The main goal of PADU is to ensure that Malaysians are not left behind from citizen centric initiatives implemented by the Government. Your kind cooperation is requested to register and update PADU by 31 March 2024. Please visit <https://www.padu.gov.my> for more information related to PADU or contact the following hotlines:

- i) Department of Statistics Malaysia : 1-800-88-7720 /1-800-88-7721
- ii) Online Enquiries through SISPA: <https://padu.spab.gov.my>.

Chart 1: External Trade Statistics, Jan 2023 – Jan 2024
(Value and Annual Percentage Change)







Chart 2: External Trade Statistics, 2020 – 2024 (Jan)



*Chart 3: Imports for End Use & Broad Economic Categories (BEC) Classification,
Jan 2023 – Jan 2024
(Value and Annual Percentage Change)*



*Chart 4: Imports for End Use & Broad Economic Categories (BEC) Classification,
2020 – 2024 (Jan)*



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

20 FEBRUARY 2024